

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI**  
**MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]**  
**TARIKH : 11 OKTOBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [ SABAK BERNAM ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan setakat manakah pencapaian dan kejayaan Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang telah diumumkan pada 26 Julai 2021 lalu dan nyatakan strategi seterusnya bagi memerangi pandemik COVID-19 ini secara lebih berkesan lagi dan dapat memulihkan dan seterusnya menstabilkan ekonomi negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah membentangkan Pelan Pemulihan Negara (PPN) di Parlimen pada 26 Julai 2021 bertujuan mengawal penularan COVID-19 bagi membolehkan pembukaan semula negara secara progresif yang dalam masa sama mengimbangi perlindungan nyawa dan kelangsungan hidup rakyat. Selain itu, Pelan ini juga adalah merupakan strategi penyelesaian bagi membolehkan negara membuka semula sektor ekonomi dan aktiviti sosial secara berfasa dan selamat daripada krisis pandemik COVID-19.

Pencapaian terkini negara berdasarkan indikator di dalam PPN yang ditetapkan adalah seperti berikut:

**1. Kadar Vaksinasi**

Setakat 3 Oktober 2021, peratusan jumlah penduduk dewasa yang telah lengkap divaksinasi adalah sebanyak 87.6% atau melebihi 20 juta orang dan sebanyak 94.3% atau 22 juta individu telah mendapat sekurang-kurangnya satu dos. Ini menunjukkan kesediaan rakyat untuk memainkan peranan bersama-sama Kerajaan dalam mengekang penularan wabak pandemik COVID-19.

**2. Peralihan fasa di negeri-negeri seluruh negara.**

Selaras dengan pengumuman PPN di Parlimen pada 26 Julai 2021, beberapa negeri berjaya menunjukkan kemajuan positif dengan mencapai penurunan kes yang ketara serta kadar penggunaan wad ICU yang menurun kepada tahap mencukupi dan sederhana. Beberapa negeri juga berjaya mencapai nilai ambang yang ditetapkan untuk beralih fasa seperti Negeri Sembilan daripada fasa 3 kepada fasa 4, Pahang daripada fasa 2 kepada fasa 3, dan Johor daripada fasa 1 kepada fasa 2.

**3. Penurunan kes baharu dan kes kematian di Lembah Klang.**

Penubuhan *Greater Klang Valley Special Task Force* (GKV STF) telah berjaya mengurangkan tempoh menunggu di wad kecemasan

bagi pesakit COVID-19. Terdapat penurunan mendadak daripada 1,600 kes pada awal Ogos ketika pasukan itu ditubuhkan, kepada 120 kes untuk kesemua wad kecemasan di hospital dalam Lembah Klang.

**4. Pembukaan semula sektor ekonomi dan aktiviti sosial secara berfasa.**

Kerajaan juga telah mengambil keputusan untuk pembukaan semula 14 sektor ekonomi bermula 16 Ogos 2021. Keputusan itu dibuat setelah mengambil kira indikator dan penilaian risiko yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang telah menunjukkan penurunan kes secara bersasar.

**5. Kelonggaran sekatan kepada penerima lengkap vaksin.**

Kerajaan telah mengumumkan kelonggaran sekatan atau kemudahan yang diberikan kepada penerima lengkap dua dos vaksin secara berperingkat. Kelonggaran ini termasuk kebenaran '*dine-in*' di restoran, kedai makan dan *club house* serta aktiviti solat di masjid dan surau serta rumah ibadat bagi bukan Islam dibenarkan untuk penerima dua dos vaksin sahaja. Kelonggaran SOP ini adalah merupakan satu permulaan kepada pembukaan semula sektor ekonomi dan sosial dan menggalakkan rakyat untuk mendaftar dan mendapatkan vaksin secepat mungkin.

**6. Pakej Rangsangan Ekonomi**

Kerajaan telah mengumumkan lapan (8) pakej rangsangan ekonomi dan bantuan komprehensif bernilai RM530 bilion. Selain itu, terdapat juga beberapa inisiatif yang telah dilaksanakan di bawah pakej PEMULIH termasuk Bantuan Prihatin Rakyat 3.0, Geran Khas Prihatin 4.0 dan Baucar Perlindungan Tenang untuk golongan B40.

Sekian, terima kasih.